

# Dinar Emas: Satu Gagasan dan Cabaran Pelaksanaan

**Prof. Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera**  
Dekan, Institut Perbankan and Kewangan Islam  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

## Pengenalan

Sistem kewangan yang berasaskan riba telah dikenalpasti sebagai punca utama wujudnya permasalahan sosio-ekonomi masa kini. Antara masalah yang wujud adalah peningkatan kadar inflasi yang menjejaskan golongan bawahan, mewujudkan kemiskinan, jurang pengagihan pendapatan bertambah luas, pusingan ekonomi antara 'booms dan kemelesetan, kehilangan kekayaan negara serta kuasa politik bertukar tangan kepada mereka yang menguasai ekonomi dan "penciptaan wang".

Sebab-sebab bagi yang dinyatakan di atas dapat diperhatikan kepada wujudnya kadar faedah yang berlipat ganda. (*compounding interest*). Sesungguhnya, riba dan unsur-unsurnya sangat dikutuk dalam ajaran Islam.

Punca utama ialah riba berganda, tetapi wang "fiat" mempercepatkan segala di atas kerana ianya dihasilkan begitu sahaja dan diedarkan ke dalam sistem ekonomi dalam bentuk hutang dengan faedah berganda (*compounded*). Faedah berganda ini meningkat dan menggandakan hutang negara sehingga keseluruhan ekonomi gagal menanggung beban hutang. Keadaan ini akan mengakibatkan kejatuhan ekonomi akibat pinjaman-pinjaman tidak terbayar, kemusnahan wang serta pemindahan besar hak milik harta benda kepada bank. Kemusnahan wang ini akan mengakibatkan ekonomi merudum dengan kejatuhan dalam sektor perniagaan, peningkatan kadar pengangguran serta mengundang pelbagai masalah sosio-ekonomi. Krisis kewangan global masa kini sebenarnya disebabkan lambakan wang dan hutang, berpunca daripada "*subprime mortgage crisis*" di Amerika Syarikat.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً وَاتَّقُوا  
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ (3:130)

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

(Imran 3:130)

### **Kehilangan kuasa ekonomi dan politik di negara-negara Islam**

Menurut sejarah Islam, Kerajaan Uthmaniyah yang memegang tampuk pemerintahan dunia Islam berabad-abad lamanya, akhirnya tumbang ekoran berhutang daripada British.

Pada tahun 1875, hutang negara nominal Khalifah Uthmaniyyah adalah £200,000,000, dengan faedah dan bayaran tahunan sebanyak £12,000,000, melebihi separuh daripada pendapatan negara. *Wikipedia*.

Doa Nabi SAW:

Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung denganMu dari kesedihan dan kebimbangan, dari kebaculan dan kebakhilan dan aku berlindung denganMu dari kelemahan dan kemalasan dan aku berlindung denganMu dari bebanan hutang dan dikuasai manusia

(Abu Daud)

Hal ini turut berlaku kepada negara-negara Islam yang telah dijajah oleh Barat. 'Kemerdekaan' diberikan setelah penjajah mewujudkan sistem kewangan berasaskan riba.

Seharusnya kita sedar bahawa kita tidak merdeka dan bebas dalam ertikata sebenar. Pastinya para penjajah menyedari akan berpindahnya sumber-sumber alam dan kuasa politik kepada mereka walaupun telah meninggalkan tanah jajahan. Mungkin juga golongan kolonial memahami maksud ayat suci Al-Quran yang nampaknya telah tersisir daripada masyarakat Islam, iaitu:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ  
رُؤُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ (2:279)

Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukannya (meninggalkan sisa-sisa riba), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

(Al-Baqarah, 2:279)

Masanya sudah tiba bagi masyarakat Islam untuk menyedari hakikat ini sekiranya kita tidak mahu terus kehilangan kekayaan nasional dan kuasa politik. Kestabilan sistem kewangan dan keadilan mesti dikembalikan denu menjamin pertumbuhan ekonomi yang cepat dan mapan.

Sistem perbankan Islam yang wujud pada hari ini juga turut bersalah dalam `jenayah` "mencipta wang" iaitu kuasa beli tanpa sebarang sandaran. 'Kuasa belian' percuma ini sebenarnya diwujudkan dengan mengambil kuasa beli daripada semua melalui inflasi.

Hal ini turut dilakukan oleh Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank). Wang dinar Islam mereka sebenarnya adalah juga wang 'fiat'<sup>1</sup>.

### **Menangani Krisis Kewangan Global dan Ekonomi Semasa**

Langkah-langkah segera perlu dilaksanakan dalam usaha menangani krisis kewangan global dan ekonomi semasa. Antaranya, melupuskan beban hutang sektor sebenar khususnya di negara-negara seperti Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat yang telah terjerumus ke dalam '*liquidity trap*'. Memandangkan Dolar AS merupakan matawang utama dunia, maka Amerika Syarikat perlu mengambil peranan penting dalam hal ini. Ini kerana ia turut merupakan satu pasaran luas bagi dunia. Untuk itu, Presiden Obama seharusnya beri 'bailout' seperti yang diminta oleh pihak General Motors, Chrysler, Ford dan sebagainya.

Penyelesaian jangka panjang turut perlu dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem kewangan termasuk penggunaan dinar emas. Penggunaan emas sebagai matawang adalah perkara penting lagi utama dalam inisiatif mengembalikan kestabilan dan keadilan sistem kewangan global. Ia juga amat penting kepada negara-negara membangun bagi berhadapan dengan tempias krisis ekonomi yang kian mencengkam. Krisis ini dijangkakan akan berpanjangan memandangkan Amerika Syarikat telah membuat keputusan yang 'silap' melalui keenggannya melangsaikan beban hutang sektor sebenar (*real sector*). Sebaliknya, Amerika Syarikat mengambil keputusan politik iaitu menguasai sumber-sumber minyak di Timur Tengah. Pastinya, pasukan tentera dihantar ke Afghanistan, meningkatkan aktiviti ketenteraan di Pakistan

---

<sup>1</sup> Memandangkan namanya dinar, ia bukanlah emas atau disandarkan kepada emas seperti dinar di zaman dahulu dan saya merasakan ia tidak berlandaskan Islam. Ini kerana "fiat money" mengambil kuasa membeli daripada pihak lain secara paksaan tanpa pengetahuan atau persetujuan mereka. Perkara ini sama seperti mencuri.

dan berkemungkinan besar mengisytiharkan perang ke atas Iran. Kesemua tindakan ini sudah pasti akan memburukkan lagi keadaan ekonomi dan kewangan global.

Sehubungan dengan itu, inilah masanya untuk umat Islam menyedari akan kewujudan riba di dalam wang 'fiat' dan seterusnya mengambil langkah-langkah perlu bagi mengatasi masalah ini, agar kita tidak "berperang" dengan Allah dan PesuruhNya, Nabi Muhammad (SAW).

Daripada Abu Said al-Khudri, beliau mendengar bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: (Juallah) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, dan garam dengan garam (dengan syarat harus sama dan sejenis serta secara tunai. Jika sesiapa meminta lebih dia telah terlibat dengan riba. Penerima dan pemberi adalah bersalah.

*Sahih Muslim*

Di sini, saya ingin mencadangkan beberapa langkah dalam usaha melaksanakan penggunaan dinar emas.

Pertamanya kita harus memahami bahawa dinar emas merupakan satu perubahan paradigma. Untuk itu, penggunaan dinar emas mestilah diperkenalkan secara beransur-ansur sebagai pelengkap kepada sistem pembayaran. Sistem pembayaran emas secara elektronik adalah yang paling mudah dilaksanakan berdasarkan infrastruktur teknologi moden yang sedia ada. Sistem ini juga dapat dilaksanakan dalam "*multilateral payments arrangements*" (MPA) juga urusan perdagangan antarabangsa antara pelbagai negara.

Usaha melaksanakan penggunaan dinar emas mempunyai banyak cabaran. Antaranya ialah.

1. Ketamakan. Elemen '*self-interest*' ini menjadi sebab utama mengapa penggunaan dinar emas ditolak. Sistem perbankan secara keseluruhan termasuk bank-bank Islam turut menentang penggunaan dinar emas kerana institusi-institusi ini mengaut untung dan laba daripada "penciptaan wang" begitu

sahaja. Untuk itu, atas dasar sifat tamak, pihak-pihak yang berkepentingan akan menentang penggunaan dinar emas berdasarkan alasan seperti ianya ketinggalan zaman dan sebagainya.

Atas alasan yang sama, Amerika Syarikat, Dana Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*) dan Bank Dunia akan turut menentang penggunaan dinar emas melalui tekanan kuasa politik memandangkan mereka mencipta wang 'fiat' seperti Dolar yang mempunyai kuasa beli di seluruh dunia. Malangnya, hal ini turut sama dilakukan oleh Bank Pembangunan Islam (IDB) yang "mencipta wang" dan menggelarkannya Dinar Islam.

2. Takut. Ada pihak yang meyakini penggunaan dan keberkesanan dinar emas akan tetapi gentar untuk berhadapan dengan Amerika Syarikat dan kuasa-kuasa besar yang lain. Mereka takut kuasa-kuasa Barat ini akan memperlakukan terhadap mereka seperti apa yang terjadi di Iraq atau Palestin.

Adalah dijangka sebahagian besar ahli politik akan menunjukkan reaksi sedemikian, tetapi bukankah peranan ahli-ahli politik menjaga kepentingan rakyat dan seharusnya mereka menunjukkan sikap tegas dan yakin walaupun mendapat tentangan daripada mana-mana pihak sekalipun?

3. Cemburu. Saya telah memerhatikan perkara ini melalui pelbagai tulisan daripada sebahagian penulis bukan Islam memandangkan mereka menyedari bahawa kewangan Islam menjanjikan satu penyelesaian kepada krisis global masa kini. Dalam dunia akademik, ada juga di kalangan cendekiawan Islam yang turut menentang penggunaan dinar emas walaupun mereka menyedari akan kepentingannya (atas alasan tersendiri).

4. Alpa. Ramai masyarakat awam yang masih belum memahami kepentingan penggunaan dinar emas. Akan tetapi, setelah mereka diberi penjelasan, mereka juga akan menyokong penggunaannya. Ini termasuklah golongan di industri kewangan dan perbankan Islam.

Keempat-empat perkara yang dinyatakan perlu diutarakan melalui pendekatan berhikmah. Cabaran pertama dan kedua merupakan cabaran utama yang memerlukan keikhlasan, ketegasan dan keazaman politik.

Antara ketegasan yang diperlukan kini ialah keberanian para sarjana Shari'ah tampil ke hadapan dan mengumumkan bahawa dinar emas (dan dirham) adalah matawang berlandaskan Shari'ah. Yang demikian, masyarakat Islam tidak seharusnya dihalang atau ditegah daripada menggunakannya untuk urusan transaksi. Lagipun, prinsip-prinsip Shari'ah menerusi zakat, mahar, hudud dan sebagainya adalah bersandarkan emas dan perak sebagai ukuran matawang.

Memandangkan dinar emas turut merupakan urusan agama, usaha ini seharusnya diletak di bawah institusi seperti JAKIM bagi memeliharanya daripada unsur-unsur yang tidak diingini. Ia juga boleh diletakkan di bawah urusan Baitulmal. Seterusnya, pihak-pihak berkuasa agama Islam boleh menetapkan nilai dinar emas serta menggalakkan pembayaran zakat, mahar dan sebagainya dengan dinar emas. Selain itu, haji dan umrah juga boleh diukur dan dinilai dalam dinar emas. Kajian empirikal menunjukkan bahawa penetapan harga mengerjakan ibadah haji dan umrah melalui dinar emas melindungi kuasa beli simpanan wang pendepositor. Menerusi dinar, kos perbelanjaan haji dan umrah juga berkurangan berbanding wang biasa ekoran peningkatan inflasi.

Kita tidak seharusnya takut akan tekanan daripada pihak-pihak berkepentingan kerana kuasa utama ialah Allah SWT, dan sewajarnya kita sentiasa bercita-cita dan berhajat melaksanakan penggunaan emas (dan perak) sebagai matawang menurut Shari'ah.

Yang ketiganya, kita harus memperbanyak usaha memberi pendedahan kepada masyarakat umum. Seperti Seminar ini yang dapat mendidik masyarakat.

Para sarjana Shari'ah wajar ke hadapan, melakukan kajian terperinci terhadap tulisan-tulisan klasik serta hukum-hukum Shari'ah berkenaan wang dan riba. Sumbangan daripada pakar-pakar Shari'ah ini sangat diperlukan di waktu sebegini.

Insyallah, melalui pendidikan penyelidikan yang dinyatakan, kita dapat meyakinkan pihak-pihak terlibat secara langsung dalam perbankan dan kewangan Islam akan pentingnya penggunaan emas dan perak sebagai matawang dalam Islam. jujur menyatakan kebenaran dan berusaha bersungguh-sungguh menghapuskan wang 'fiat' yang sudah lama wujud dalam perbankan dan kewangan Islam.

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ  
أَتِيمٍ

Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa.

Al-Baqarah 2:276

## Kesimpulan

Usaha mengembalikan penggunaan dinar emas sebagai matawang utama amatlah penting dalam mengatasi krisis kewangan masa kini yang telah membawa kepada kemusnahan sistem kewangan global. Kekurangan wang yang beredar akibat krisis kewangan ini menjadi punca utama kemelesatan ekonomi dunia. Hal ini akan



berlanjutan sehingga membawa kepada masalah pengangguran yang serius di seluruh dunia dan mengakibatkan kesempitan hidup.

Dinar emas menjamin kestabilan dan keadilan. Ia merupakan sistem kewangan yang meyakinkan, telus serta menjadi alternatif kepada sistem yang sedia ada. Selain itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab umat Islam mengembalikan khazanah yang penting ini kepada masyarakat Islam, setelah lama hilang bersama sejarah. Dengan wujudnya dinar emas, InsyaAllah, abad ke 21 ini akan menjadi abad kebangkitan umat Islam.

*“Emas akan menjadi sebahagian daripada struktur sistem kewangan antarabangsa di abad ke 21”*

*[Robert A. Mundell](#), 1997*

*Pemenang Hadiah Nobel 1999*

*“Emas masih merupakan cara pembayaran paling utama di dunia ini”*

*Alan Greenspan*

*Testimony before the US House Banking Committee, 1999*